

01/03/1997

Salur keberanian kepada kegiatan bermanfaat: PM

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Jumaat - Sifat berani menempuh risiko dan cabaran dalam diri remaja perlu disalurkan kepada kegiatan bermanfaat supaya mereka tidak terpengaruh dengan gejala sosial, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, ketika gejala sosial semakin buruk, remaja perlu didedahkan dengan pelbagai kegiatan lebih sihat termasuk menyertai kembara dan mendaki gunung.

Beliau berkata, banyak pihak termasuk remaja menyalahafsirkan erti keberanian dengan melakukan perkara bodoh dan mendedahkan diri mereka kepada pelbagai risiko serta bahaya.

"Ada orang menunjukkan keberanian tetapi pada keadaan yang salah kerana kononnya mahu menjadi hero. Umpamanya, kalau anda seorang tentera, anda jangan dedahkan diri bahaya yang tidak perlu.

"Anda mesti tahu bagaimana mengelakkan bahaya. Pada masa yang sama anda perlu sanggup menanggung risiko tetapi ia biarlah pada tahap paling minimum dengan melakukan tindakan yang betul," katanya.

Dr Mahathir memberi amanat kepada kumpulan 10 pendaki negara bagi Ekspedisi Projek Malaysia Everest 97 yang akan berlepas ke Kathmandu, Nepal, esok.

Pendakian ke puncak tertinggi di dunia, Gunung Everest itu, diketuai Nor Ramli Sulaiman dan disertai Gary Choong, Mohanandas Naggapan, Aimi Zairin Mohamed, Ramakrishnan Ramasamy, Magendran Munisamy, Mohd Fauzan Hassan, Borhan Ibrahim, Mejar Mohd Rizan Mat Hassann Koperal Moorthy Maniam dan Zahidi Paiman.

Turut hadir ialah Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalannya, Datuk Loke Yuen Yow dan Setiausaha Parlimen, Datuk Shahrizat Abd Jalil.

Sambil mendoakan semua pendaki selamat dan menasihatkan mereka mematuhi peraturan supaya berjaya, Perdana Menteri menyifatkan ekspedisi itu bukan setakat membawa imej peribadi peserta tetapi maruah negara di kaca mata antarabangsa.

"Jangan cuba jadi hero sehingga mengabaikan peraturan dan arahan. Ingatlah, anda lakukan itu bukan untuk diri sendiri tetapi untuk negara. Ekspedisi ini bukan tugas mudah.

"Kita harus menghadapi pelbagai rintangan dan bahaya. Apabila anda daki gunung itu kenalah berjaga-jaga. Ikutlah peraturan dan panduan. Jangan gopoh dan tergesa-gesa. Jangan tunjuk lebih berani daripada orang lain.

"Orang seperti ini tidak boleh dicontohi dan dianggap berani tapi dia cuma bodoh kerana tidak tahu bahaya yang dihadapi. Sebaliknya, kita perlu mengambil kira semua bahaya dan mengambil tindakan mengelakkannya," katanya.

Peserta ekspedisi itu akan berada seminggu di Kathmandu sebelum memulakan pendakian Gunung Everest setinggi 8,848 meter. Mereka dijangka tiba di kemuncak antara 10 hingga 20 Mei depan.

Kumpulan itu disokong oleh 12 pendaki lain termasuk jurugambar yang akan mendaki pada ketinggian tertentu.

Projek ekspedisi itu membabitkan kos RM4.5 juta dan dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 34 Jun tahun lalu. Peserta mengambil masa hampir tiga tahun untuk membuat persiapan diri sebelum melakukan ekspedisi sebenar.

(END)